

## Pelajar FK Kimia & Sumber Asli UPM Naib Juara Pertandingan Pembentangan Kertas Kerja Shell (S-SPEC 2011) anjuran Shell Malaysia Sdn. Bhd.

Dua pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP menjadi naib juara Pertandingan Pembentangan Kertas Kerja Shell (S-SPEC 2011) anjuran Persatuan Jurutera Petroleum, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan tajaan Shell Malaysia Sdn. Bhd. pada 5 April 2011 yang lalu.

Cheryl Yeung Suet Ling menang tempat kedua bagi kategori persembahan kertas kerja terbaik yang berjaya mengalahkan peserta dari Universiti Indonesia.

Beliau membawa pulang wang tunai RM 1500, trofi dan sijil penghargaan.

Manakala, Mohd Irwan Shah Md Zain membawa pulang RM 300 berserta sijil penghargaan setelah diumumkan menang tempat kedua mengalahkan peserta dari UTM dalam kategori persembahan kertas kerja terbaik.

Pertandingan menyaksikan Universiti Teknologi Petronas (UTP) menjadi juara bagi kedua-dua kategori.

Lain-lain peserta yang mewakili UMP bagi pertandingan poster peringkat prasiswazah ialah Norashikin Mohd. Taha dan Tham San Chin.

Selain itu, Marmy Roshaidah Mohd. Salleh mewakili UMP bagi pertandingan kertas kerja peringkat pascasiswazah.

Menurut Mohd. Irwan, beliau tidak menyangka menang dalam pertandingan ini memandangkan saingan yang sengit lebih daripada 200 peserta.

Beliau berjaya menempatkan dirinya ke pusingan kedua yang terdiri daripada 16 peserta bagi dua kategori iaitu peringkat siswazah dan prasiswazah dalam pertandingan persembahan poster terbaik.

“Penyertaan dinilai dalam menyampaikan persembahan hasil kajian penyelidikan, kandungan dan kreativiti poster,” katanya.

Menurutnya, penyertaan ini juga memberinya peluang meninjau kerjaya dengan pihak Shell setelah tamat pengajian nanti.

